

ANALYSIS OF WAQF LAND AREA IN TERENGGANU

ANALISA KELUASAN TANAH WAKAF DI NEGERI TERENGGANU

Siti Nurul Jannah Mohamad Zakiⁱ & Mohd Zamro Mudaⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). jannahzaki75@gmail.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). zamro@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Waqf is a permanent and continuous welfare contribution that can generate the development of the country such as economic, social, educational, medical, entrepreneurial and other development. Therefore, the development of waqf properties should be streamlined and planned systematically so that various benefits can be enjoyed by all Muslims. This study successfully fulfilled the objective requirements of the study which is needed to analyze waqf land area in the state of Terengganu. Among the aspects seen in this study are the type of waqf made by the financier, the management that has been implemented by Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) in managing waqf land in the state of Terengganu as well as the approach used by MAIDAM in dealing with problems and crises arising in relation to waqf properties. This study focuses on waqf land in the state of Terengganu only using a qualitative study method based on content analysis and semi-structural interviews with waqf and General Resources officers of MAIDAM. The results of this study are based on the year of study in 2020 and from this study, it was found that the lands involved in the development in the state of Terengganu have two types, namely general waqf and special waqf.</i></p> <p>Keywords: <i>Waqf, Land, Development, MAIDAM, Terengganu.</i></p>
Abstrak	<p><i>Wakaf merupakan sumbangan kebajikan secara kekal dan berterusan yang mampu menjana pembangunan negara seperti pembangunan ekonomi, sosial, pendidikan, perubatan, keusahawanan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, pembangunan hartanah wakaf perlu diperkemas dan dirancang secara sistematik agar pelbagai manfaat dapat dinikmati oleh semua umat Islam. Kajian ini berjaya memenuhi kehendak objektif kajian yang diperlukan iaitu untuk menganalisa keluasan tanah wakaf di negeri Terengganu. Antara aspek yang dilihat dalam kajian ini adalah jenis wakaf yang dibuat oleh pewakaf, pengurusan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) dalam menguruskan tanah wakaf di negeri Terengganu serta pendekatan yang digunakan oleh pihak MAIDAM dalam menangani masalah dan krisis yang timbul berkaitan dengan hartanah wakaf. Kajian ini memfokuskan kepada tanah wakaf di negeri Terengganu sahaja dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif yang berasaskan analisis kandungan dan temu bual separa struktur bersama pegawai Wakaf dan Sumber Am MAIDAM. Hasil kajian ini adalah berasaskan kepada tahun kajian pada 2020 dan daripada kajian ini didapati tanah-tanah yang terlibat dalam</i></p>

<p><i>perwakafan di negeri Terengganu ada dua jenis iaitu wakaf am dan wakaf khas.</i></p>
--

<p><i>Kata kunci: Wakaf, Tanah, Pembangunan, MAIDAM, Terengganu.</i></p>
--

PENDAHULUAN

Institusi wakaf mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi kerana telah terbukti institusi wakaf sebagai salah satu penyumbang kepada ekonomi Islam yang paling berkesan dalam membantu perkembangan sosio ekonomi negara. Hal ini kerana, hasil daripada wakaf ini telah berjaya membiayai sektor kemasyarakatan dan kebajikan negara. Oleh itu, usaha untuk mengurus dan memajukan harta wakaf memerlukan kepada penyusunan yang bijak dan profesional. Tambahan pula, amalan dan pengurusan harta wakaf bukanlah sesuatu yang asing bagi komuniti masyarakat Melayu di Malaysia. Wakaf sebagai institusi kebajikan yang dilihat berpotensi untuk mengambil alih sebahagian peranan penswastaaan seperti yang ada pada hari ini dengan menggalakkan orang ramai dan institusi yang ingin melakukan amal jariah mengambil bahagian dalam projek-projek yang dikenal pasti boleh memberi manfaat untuk orang ramai. Namun, agak menyedihkan pada hari ini kerana amalan pewakafan di Malaysia kurang mendapat perhatian sehingga institusi ini kelihatan lesu, terpinggir, tidak cekap serta kurang berkesan (Hailani & Ja'afar, 2001).

Menurut Mohd Zaim Othman (1982), istilah wakaf ini tidak dapat dijelaskan secara langsung maksudnya yang sebenar samada di dalam al-Quran mahupun di dalam Hadis. Ia hanyalah merupakan tafsiran fiqaha berkaitan makna sedekah jariah yang diertikan sebagai memberikan sesuatu harta semasa hidupnya dan penggunaannya kekal untuk selamanya. Perkataan wakaf berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *waqf* yang merupakan terbitan (*masdar*) daripada kata kerja perbuatan (*fi'il*) iaitu *waqafa*. Dari sudut bahasa, *al-waqf* bermaksud *al-qat'* iaitu berhenti (Majma al-Lughah al-Arabiyyah, al-Mu'jam al-Wasit, 2004) menegah, serta menahan (Mustafa et al., t.th) dan menurut Ibn Manzur (1990) ulama Fiqh bersepakat dalam mentakrifkan wakaf menurut istilah bahasa dengan *al-habs* yang bererti menahan kerana maksudnya lebih hampir kepada pengertian syarak.

Menurut terjemahan bahasa Inggeris, wakaf diterjemahkan sebagai "*stopping, standing, unalienable property*". Manakala jika dilihat melalui Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan wakaf didefinisikan sebagai sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau diuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam seperti mendirikan masjid atau membina madrasah untuk kegunaan orang ramai (Teuku Iskandar, 2000).

Dari segi istilah syarak pula terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha tentang takrif wakaf dan ia dapat difahami menerusi tiga takrif. Menurut Wahbah al-Zuhayli (2011) pengertian pertama iaitu mengikut pandangan Abu Hanifah, wakaf ialah menahan suatu 'ain atau harta dalam milik pewakaf dan disedekahkan manfaatnya untuk tujuan kebajikan. Melalui pengertian ini, dapat difahami bahawa wakaf tidak semestinya perlu menghabiskan harta yang telah diwakafkan oleh pemilik wakaf.

Pengertian wakaf yang kedua pula ialah pendapat yang dikemukakan oleh ulama Maliki tidak memutuskan hak pemilikan terhadap harta yang diwakafkan, walaupun ia memutuskan hak untuk menguruskannya. Selain itu, menurut jumhur wakaf ialah menahan suatu harta yang boleh diambil manfaatnya serta dikekalkan 'ainnya dan terputus hak pengurusan daripada pewakaf dan selainnya, untuk perbelanjaan perkara yang harus, sama ada diambil daripada wakaf itu sendiri atau hasilnya yang bertujuan kebajikan untuk mendekatkan diri kepada Allah (Wahbah al-Zuhayli, 2011).

Dalam konteks kewangan semasa, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) mendefinisikan wakaf sebagai "*menjadikan sesuatu harta bebas daripada sebarang pelupusan yang boleh membawa kepada pemindahan pemilikan dan memberikan manfaat harta wakaf tersebut kepada penerima manfaat wakaf*" (Syahnaz Sulaiman et al., 2021). Kesimpulannya, walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam

kalangan fuqaha tentang pengertian wakaf dari sudut istilah, namun definisi wakaf dapat dirumuskan sebagai suatu dedikasi harta kepada golongan tertentu sama ada secara lisan atau kiasan untuk tujuan kebajikan dan keagamaan bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM) TERENGGANU SEBAGAI PEMEGANG AMANAH TUNGGAL HARTA WAKAF

Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bawah Majlis Agama Islam setiap negeri dan Majlis Agama Islam negeri merupakan pemegang tunggal kepada semua harta wakaf di Malaysia (Asmak Abd Rahman, t.t). Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) mempunyai bidang kuasa dalam perundangan terhadap pengurusan harta wakaf di negeri Terengganu. Hal ini telah jelas termaktub dalam seksyen 4, Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016, yang mana antara lainnya menyatakan:

Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf :

- i. Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mentadbir atau menyentuh apa-apa wakaf –
 - a. Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, yang terletak di dalam Negeri Terengganu;
 - b. Majlis, sebagai pemegang amanah tunggal bagi mana-mana mawquf yang terletak di dalam Negeri Terengganu, boleh dijadikan *mawquf 'alaih* bagi mana-mana *mawquf* sedemikian;
 - c. Majlis boleh menubuhkan perbadanan atau syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah Enakmen ini;
 - d. Majlis boleh dijadikan *mawquf 'alaih* bagi mana-mana mawquf yang berada di luar dari Negeri Terengganu, dan bagi maksud ini, Majlis bolehlah membuat apa-apa perkiraan dengan pemegang amanah *mawquf* itu;
 - e. Majlis boleh melantik atau memberi izin kepada mana-mana pihak untuk mengurus, mentadbir dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya;
 - f. Majlis boleh menubuhkan apa-apa skim wakaf atau meluluskan mana-mana institusi untuk menubuhkan apa-apa skim berkaitan wakaf; dan
 - g. Majlis hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap apa-apa bentuk pencerobohan ke atas harta wakaf.
- ii. Maka hendaklah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Majlis untuk memastikan bahawa semua wakaf yang terletak hak padanya di bawah Enakmen ini didaftarkan, ditadbirkan, diuruskan, dikawal selia dan dibangunkan dengan sepatutnya.
- iii. Majlis boleh menarik balik pengiktirafan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh *waqif* yang pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat demikian.
- iv. Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau munasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Enakmen ini.


KEDUDUKAN TANAH WAKAF YANG DIURUSKAN OLEH MAIDAM TERENGGANU

Tanah Wakaf

Negeri Terengganu mempunyai lapan buah daerah yang terdiri daripada Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu, Besut dan Kuala Nerus. Lokasi dan kedudukan tanah wakaf di negeri Terengganu adalah berselerak, tersebar dan tidak berkelompok. Sehingga kini, kesemua lapan daerah ini mempunyai jumlah tanah wakaf tertentu dengan kedudukan, jenis tanah, kegunaan dan keluasannya yang berbeza-beza. Sehingga akhir 2019, jumlah keseluruhan lot tanah wakaf yang direkodkan adalah sebanyak

871 lot yang mana ia mencatatkan pertambahan sebanyak 96 lot berbanding tahun sebelumnya. Kesemua lot tanah wakaf ini merangkumi sejumlah 544.594 hektar.

Tanah wakaf ini terdiri daripada tanah wakaf am dan khas termasuklah manfaat wakaf, wakaf zuriat, tapak surau dan masjid serta tanah perkuburan Islam. Tanah wakaf khas sebanyak 633 lot bersamaan 496.454 hektar direkodkan lebih banyak berbanding dengan tanah wakaf am iaitu sebanyak 238 lot bersamaan 48.14 hektar dan jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 871 lot iaitu 544.594 hektar. Jumlah ini direkodkan berlakunya peningkatan sebanyak 96 lot bersamaan dengan 28.994 hektar berbanding dari tahun sebelumnya kerana jumlah tanah wakaf di negeri Terengganu pada tahun 2018 hanyalah sebanyak 775 Lot bersamaan 515.6 hektar. Rajah 1 di bawah menunjukkan jumlah tanah wakaf di negeri Terengganu.




Rajah 1 Jumlah tanah wakaf di Negeri Terengganu

KLASIFIKASI TANAH WAKAF DI TERENGGANU

Tanah wakaf yang ditadbir oleh MAIDAM terdiri daripada dua jenis iaitu Tanah Wakaf Am dan Tanah Wakaf Khas. Tanah Wakaf Khas pula terbahagi kepada empat jenis iaitu manfaat wakaf, wakaf zuriat, tapak surau dan masjid dan tanah perkuburan Islam (MAIDAM, 2020).

Tanah Wakaf Am

Tanah wakaf am merupakan wakaf yang tidak dikhaskan oleh pewakaf kepada mana-mana pihak tertentu atau tujuan tertentu. Ia boleh digunakan untuk manfaat umum mengikut tuntutan syarak tanpa terikat dengan apa-apa syarat khusus dari pewakaf. Secara keseluruhannya keluasan tanah wakaf am adalah sebanyak 238 lot bersamaan 48.14 Hektar. Mengikut keluasan setiap daerah, Kuala Terengganu merupakan daerah yang mempunyai keluasan tanah wakaf am yang paling tinggi iaitu sebanyak 134 lot manakala daerah Dungun menunjukkan jumlah tanah wakaf yang sedikit iaitu sebanyak tiga lot serta daerah Kuala Nerus dan Hulu Terengganu merekodkan jumlah tanah wakaf yang sederhana iaitu sebanyak 18 lot di kedua-dua daerah. Rajah 2 menunjukkan jumlah tanah wakaf am mengikut daerah dan lot tanah.




Rajah 2 Jumlah tanah wakaf am mengikut daerah dan lot tanah

Pada tahun 2018, pihak MAIDAM telah menetapkan hasil bagi wakaf am yang berasaskan kepada tiga prinsip iaitu bersifat kepentingan umum, keperluan tidak dapat dielakkan dan tiada larangan dari sudut agama serta termasuklah perkara yang harus dipertimbangkan mengikut keadaan semasa (MAIDAM, 2020). Menurut Mohd Ridzuan Mohamad (2021), terdapat lapan jenis bantuan wakaf am yang diwujudkan yang merupakan hasil daripada wakaf am iaitu :

- i. Bantuan pagar tanah perkuburan Islam
- ii. Bantuan Tambun tanah perkuburan Islam
- iii. Bantuan pemasangan lampu di sekitar perkuburan Islam
- iv. Bantuan Ihya' Ramadhan di masjid dan surau
- v. Bantuan program keagamaan di masjid dan surau
- vi. Bantuan peralatan sekolah agama
- vii. Bantuan pembaikan kecil sekolah agama
- viii. Bantuan kebajikan anak-anak yatim

Tanah Wakaf Khas

Tanah Wakaf Khas terbahagi kepada beberapa jenis wakaf iaitu manfaat wakaf (pemilik wakaf), wakaf zuriat, tapak surau dan masjid serta tanah perkuburan Islam. Bagi tanah wakaf khas di Terengganu, jenis tanah wakaf yang dicatatkan paling banyak ialah manfaat wakaf sebanyak 309 lot bersamaan 438.887 hektar manakala jenis wakaf yang paling sedikit ialah wakaf zuriat iaitu sebanyak 33 lot bersamaan 17.781 hektar. Jumlah keseluruhan tanah wakaf khas ialah 633 lot iaitu 496.454 hektar. Carta 1 di bawah menunjukkan jumlah tanah wakaf mengikut jenis wakaf yang terdapat di Terengganu.



Carta 1: Jumlah tanah wakaf mengikut jenis wakaf

1. Manfaat wakaf (Pemilik Wakaf)

Tanah wakaf yang dikhaskan untuk kegunaan manfaat wakaf ini mempunyai keluasan tanah wakaf yang terbesar di negeri Terengganu iaitu sebanyak 309 lot bersamaan 438.887 hektar pada tahun 2019. Tanah wakaf jenis ini ada di semua daerah dan daerah yang mencatatkan keluasan paling tinggi ialah di daerah Kuala Terengganu dan daerah yang mencatatkan keluasan yang paling rendah adalah di daerah Setiu iaitu sebanyak 1 lot sahaja. Jadual 1 menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf yang dikhaskan untuk kegunaan manfaat wakaf mengikut daerah.

Jumlah Tanah Wakaf untuk Manfaat Wakaf (2019)		
Daerah	Keluasan (Lot)	Keluasan (Hektar)
Kuala Terengganu	201	290.42
Marang	50	71
Dungun	2	2.84
Kemaman	7	9.94
Hulu Terengganu	22	26.26
Setiu	1	1.42
Besut	9	12.78
Kuala Nerus	17	24.4
Jumlah	309	438.887

Jadual 1: Jumlah keluasan tanah wakaf yang dikhaskan untuk kegunaan manfaat wakaf mengikut daerah

2. Wakaf zuriat

Wakaf zuriat ialah wakaf yang diwariskan untuk diurus oleh waris atau kegunaan keluarga sahaja. Pihak MAIDAM hanya berperanan untuk mengurus dan membangunkan tanah tersebut dan salah satu caranya adalah dengan menjadikannya sebagai tanah sewaan. Hasil sewaan dari tanah wakaf zuriat ini akan diagihkan kepada keluarga atau zuriat pewakaf sebagaimana senarai yang dinyatakan oleh zuriat pewakaf kepada MAIDAM (Fatimah Zariah, 2020). Wakaf zuriat mencatatkan jumlah tanah wakaf yang terkecil berbanding jenis tanah wakaf yang lain iaitu sebanyak 33 lot dan hanya empat daerah sahaja yang mempunyai rekod tanah wakaf zuriat ini iaitu Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu

dan Kuala Nerus. Daerah yang paling banyak merekodkan jenis tanah wakaf ini ialah Kuala Terengganu dan yang paling sedikit ialah daerah Hulu Terengganu. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf zuriat mengikut daerah.

Jumlah Keluasan Tanah Zuriat (2019)	
Daerah	Keluasan (Lot)
Kuala Terengganu	24
Marang	3
Hulu Terengganu	1
Kuala Nerus	5
Jumlah	33

Jadual 2 : Jumlah keluasan tanah wakaf zuriat mengikut daerah

Berdasarkan jadual di atas, hanya data yang umum sahaja dapat diperolehi kerana rekod-rekod wakaf zuriat masih mempunyai maklumat yang berstatus "rahsia". Justeru itu, maklumat yang diperolehi adalah sangat terhad dan data-data yang diberikan hanyalah dalam bentuk jumlah yang umum. Terdapat 12 wakaf zuriat yang direkodkan iaitu :

- a. Wakaf zuriat Haji Abdullah Mohamad al-Fathani
- b. Wakaf zuriat Tok Pelam
- c. Wakaf zuriat Tuan Sulong
- d. Wakaf zuriat Syed Zain
- e. Wakaf zuriat Che Wook
- f. Wakaf zuriat Haji Awang
- g. Wakaf zuriat Tengku Nik Maimunah
- h. Wakaf zuriat Haji Abdullah
- i. Wakaf zuriat Syaikh Abdul Kadir
- j. Wakaf zuriat Nik Mahani
- k. Wakaf zuriat Haji Mohamad
- l. Wakaf zuriat Tuan Dalan

Setakat tahun 2020, terdapat lima jenis status pembangunan yang dijalankan keatas wakaf zuriat tersebut iaitu premis perniagaan, sewaan tapak kediaman, sewaan tapak perniagaan, pertanian dan pusat pengajian Islam. 2 wakaf zuriat telah dibangunkan sebagai premis perniagaan iaitu wakaf zuriat Haji Mohamad Al-Fathani dan Tok Pelam manakala 4 wakaf zuriat telah dijadikan sebagai sewaan tapak kediaman iaitu wakaf zuriat Tuan Sulong, Syed Zain, Syaikh Abdul Kadir. Terdapat 1 sahaja wakaf zuriat yang dijadikan sebagai sewaan tapak perniagaan iaitu wakaf zuriat Tengku Nik Maimunah dan wakaf zuriat Nik Mahani dijadikan sebagai Pusat Pengajian Islam. Oleh hal yang demikian, wakaf zuriat yang selebihnya iaitu sebanyak 5 wakaf dijadikan sebagai tapak pertanian (Mohd Ridzuan Mohamad, 2021).

3. Tapak Surau dan Masjid

Tanah wakaf khas di Terengganu juga ada dikhususkan untuk tapak surau dan masjid. Tanah wakaf ini adalah bertujuan untuk pembinaan surau ataupun masjid untuk kegunaan orang ramai. Namun demikian, jika sesuatu tempat itu sudah wujud masjid untuk kegunaan orang ramai, maka pihak MAIDAM akan berbincang dengan pemilik tanah tersebut untuk kegunaan lain atau dijadikan sewaan (Fatimah Zariah, 2020). Pada tahun 2019, MAIDAM mencatatkan 200 lot bersamaan 22.862 hektar tanah sebagai wakaf untuk tapak surau dan masjid. Kelapan-lapan daerah di negeri Terengganu mencatatkan terdapat tanah wakaf khas untuk tapak surau dan masjid di daerah masing-masing. Jumlah keluasan tanah wakaf untuk tapak surau dan masjid yang tertinggi ialah di daerah Kuala Terengganu iaitu 54 lot bersamaan 8.672 hektar manakala yang terendah ialah daerah Besut iaitu 12 lot bersamaan

0.8433 hektar. Jadual 3 di bawah menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf khas untuk tapak surau dan masjid mengikut daerah.

Jumlah Tanah Wakaf untuk Tapak Surau dan Masjid (2019)	
Daerah	Keluasan (Lot)
Kuala Terengganu	54
Marang	52
Dungun	10
Kemaman	14
Hulu Terengganu	15
Setiu	14
Besut	12
Kuala Nerus	29
Jumlah	200

Jadual 3 Jumlah keluasan tanah wakaf khas untuk tapak surau dan masjid mengikut daerah

4. Tanah perkuburan Islam

Seterusnya, terdapat juga tanah wakaf yang dikhaskan untuk dijadikan tanah perkuburan Islam. Jumlah tanah wakaf yang dikhaskan untuk tanah perkuburan Islam di Terengganu adalah sebanyak 91 lot bersamaan 16.924 hektar. Sebagaimana tanah wakaf yang dikhaskan untuk tapak surau dan masjid terdapat di semua daerah begitulah tanah wakaf untuk tanah perkuburan Islam. Pada tahun 2019, jumlah tanah wakaf untuk tanah perkuburan Islam yang tertinggi ialah di daerah Kuala Terengganu iaitu sebanyak 47 lot manakala daerah yang mencatatkan keluasan yang terendah ada dua daerah iaitu di daerah Dungun dan Kemaman. Setakat hari ini, tanah wakaf untuk perkuburan Islam di negeri ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan kawasan perkuburan umat Islam setempat. Pihak MAIDAM hanya menguruskan tentang proses untuk dijadikan sebagai tapak tanah perkuburan Islam manakala pengurusan tentang tanah perkuburan tersebut diuruskan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT). Jadual 4 menunjukkan jumlah tanah wakaf yang dikhaskan untuk tanah perkuburan Islam di Terengganu pada tahun 2019.

Jumlah Tanah Wakaf untuk Tanah Perkuburan Islam (2019)	
Daerah	Keluasan (Lot)
Kuala Terengganu	47
Marang	15
Dungun	1
Kemaman	1
Hulu Terengganu	7
Setiu	3
Besut	3
Kuala Nerus	14
Jumlah	91

Jadual 4: Jumlah tanah wakaf yang dikhaskan untuk tanah perkuburan Islam di Terengganu tahun 2019

Menurut MAIDAM (2020), wakaf tanah perkuburan yang paling terbaru telah dibina di Lot PT 4431 iaitu Tanah Perkuburan Islam Paya Bunga dengan keluasan 5.18 hektar. Tanah perkuburan ini terletak di tengah-tengah pusat bandaraya Kuala Terengganu. Tanah ini tidak digunakan berdekad lamanya dan telah mendapat kelulusan Fatwa bagi pembangunan semula supaya dapat digunakan kembali. Kawasan perkuburan ini telah ditambah tanah sehingga paras ketinggian 3 kaki sebagai kawasan perkuburan baru.

Selepas itu, peraturan kepungan kuburan yang seragam dilaksanakan bagi mengawal selia susun atur pengkebumian jenazah. Tapak perkuburan ini juga dilengkapi dengan sistem E-pusara yang mengandungi maklumat terperinci termasuklah kedudukan lot pusara. Hal ini bertepatan dengan maksud wakaf yang manfaatnya perlulah kekal selama-lamanya.

HASIL KAJIAN

Secara umumnya, mengikut maklumat dan rekod yang diperolehi oleh pihak MAIDAM, tanah wakaf di Negeri Terengganu terbahagi kepada dua iaitu tanah wakaf am dan tanah wakaf khas. Jumlah tanah wakaf khas lebih banyak dan luas berbanding tanah wakaf am kerana tanah wakaf khas mempunyai beberapa jenis seperti tanah wakaf yang dikhususkan untuk manfaat wakaf, wakaf zuriat, wakaf untuk tapak surau dan masjid serta wakaf untuk tanah perkuburan Islam. Tanah wakaf am adalah sebanyak 238 lot bersamaan 48.14 hektar merupakan jumlah yang sedikit berbanding tanah wakaf khas iaitu sebanyak 600 lot bersamaan 496.454 yang menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 871 lot bersamaan 544.594 hektar.

Melalui rekod yang diperolehi sehingga tahun 2020, jumlah tanah wakaf yang sudah dibangunkan adalah sebanyak 380 lot bersamaan 449.684 hektar di mana tanah wakaf am adalah sebanyak 73 lot bersamaan 19.088 hektar manakala jumlah tanah wakaf khas yang sudah dibangunkan adalah sebanyak 300 lot bersamaan 425.416 hektar yang merangkumi semua daerah yang terdapat di negeri Terengganu. Jumlah bagi tanah wakaf yang belum dibangunkan pula adalah sebanyak 372 lot bersamaan 64.59 hektar. Jumlah tanah wakaf am yang masih belum dibangunkan adalah sebanyak 132 lot bersamaan 16.462 hektar manakala tanah wakaf khas yang masih belum dibangunkan pula berjumlah 240 lot iaitu 48.128 hektar. Oleh hal yang demikian, jumlah yang selebihnya adalah jumlah tanah wakaf yang masih tidak diperolehi rekod pembangunan atau secara umumnya tiada data mengenainya (MAIDAM, 2020).

Kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa kekangan dan halangan yang menyukarkan pembangunan ke atas tanah-tanah wakaf yang terdapat di negeri Terengganu. Hal ini demikian kerana, melalui kajian ini dapat dikenalpasti bahawa sistem pentadbiran dan pengurusan pihak MAIDAM terutamanya bahagian Wakaf dan Sumber Am masih perlu diperkemaskan lagi untuk memudahkan lagi urusan pihak yang berurusan dengan MAIDAM sekali gus dapat memudahkan juga pihak MAIDAM dalam menguruskan urusan yang berkaitan dengan wakaf.

Pihak MAIDAM perlu mewujudkan sistem rekod data berkaitan dengan tanah terbiar yang belum mempunyai sebarang tindakan ke atasnya di samping rekod kes pencerobohan yang berlaku ke atas tanah wakaf secara *hardcopy* dan *softcopy*. Sistem penyimpanan *hardcopy* adalah dengan menggunakan fail secara sistematik manakala sistem penyimpanan secara *softcopy* adalah dengan mewujudkan satu laman khas bagi menyimpan segala rekod data dan kes untuk memudahkan urusan pihak pengurusan untuk mencari sesuatu data dan maklumat yang berkaitan apabila diperlukan. Hal ini amat diperlukan sekiranya berlaku penukaran kerani baru di bahagian Wakaf dan Sumber Am maka cara ini dapat memudahkan serta melancarkan lagi proses pencarian maklumat yang diperlukan kerana sudah ada maklumat yang disusun secara teratur di samping dapat menjimatkan masa dan tenaga kerani baru dan lama.

Selain itu, melalui sistem rekod secara *hardcopy* dan *softcopy* ini dapat menjamin segala rekod dan maklumat dapat disimpan dengan baik. Hal ini sekali gus dapat memudahkan urusan pekerja terutamanya yang ingin mencari maklumat berkaitan dengan pengurusan harta wakaf dari pelbagai tahun terutamanya jika terdapat permohonan oleh pengkaji-pengkaji yang memerlukan data dan maklumat tersebut untuk dijadikan maklumat tambahan dalam kajian mereka. Sistem penyimpanan ini akan menjadikan sistem pentadbiran dan pengurusan harta wakaf di negeri Terengganu lebih terkedepan, cekap dan lebih sistematik.

Seterusnya, pihak pengurusan perlu menambah bilangan kakitangan dalam mengurus serta mentadbir hal ehwal yang berkaitan dengan wakaf. Hal ini demikian

kerana, menurut Puan Fatimah Zariah (2020), setakat ini hanya terdapat tujuh orang kakitangan yang bertindak mengurus dan mentadbir segala perkara bukan sahaja yang berkaitan dengan wakaf malah berkaitan dengan sumber am. Dengan jumlah yang sangat sedikit ini, jelaslah bahawa pengurusan wakaf di negeri Terengganu kekurangan tenaga kakitangan yang dapat melancarkan lagi pengurusan wakaf yang terdapat di negeri Terengganu sama ada di dalam pejabat mahupun luar pejabat seperti turun padang untuk meninjau tanah-tanah wakaf serta mengambil tindakan terhadap pencerobohan yang berlaku. Sekiranya kakitangan pengurusan Wakaf dan Sumber Am ini dapat ditambah kepada angka yang lebih ramai maka tugas-tugas berkaitan dengan pengurusan harta wakaf akan menjadi semakin mudah dan efektif.

KESIMPULAN

Harta wakaf adalah aset umat Islam yang sangat berharga yang perlu dijaga dan diuruskan sebaik mungkin serta tidak boleh dimanipulasikan oleh mana-mana pihak. Banyaknya harta wakaf yang dimiliki serta diuruskan dengan baik menunjukkan kejayaan pentadbiran umat Islam di samping dapat memartabatkan ekonomi Islam supaya lebih maju ke hadapan. Tanah wakaf adalah harta tak alih yang penting bagi umat Islam. Hal ini demikian kerana, di Malaysia didapati masih mempunyai banyak hartanah wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, akan tetapi sehingga kini masih belum dimajukan dengan sewajarnya. Bahkan masih banyak harta wakaf yang tidak ada rekod dan maklumat yang sistematik.

Pendekatan wakaf ini bukan sahaja mampu menjadi penggerak sektor sosial, malah dapat dijadikan mekanisme untuk memajukan umat Islam di samping mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Inilah salah satu keistimewaan institusi wakaf yang sangat jelas kerana amalan ini melibatkan manfaat serta faedah yang diperoleh ekoran daripada harta wakaf itu sama ada di dunia mahupun di akhirat. Oleh itu, umat Islam digesa untuk memahami konsep serta pensyariatannya yang berkaitan dengan amalan wakaf dalam Islam ini seterusnya mengambil peluang dan ruang serta berlumba-lumba dalam melaksanakan ibadah wakaf ini untuk kebaikan bersama serta untuk mendapatkan keredaanNya secara berterusan.

RUJUKAN

Buku

- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM). 2020. *Laporan Tahunan MAIDAM 2018 & 2019*. Kuala Terengganu : Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, ed 1.
- Mohd Ridzuan Mohamad. 2021. *Pelaksanaan Wakaf Am Dan Khas Di Terengganu Dan Implikasinya Terhadap Mawquf 'Alaih*. Terengganu : Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Zaim Haji Othman. 1982. *Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Mustafa Ibrahim, al-Ziyat, Ahmad Hasan, Abd al-Qadir, Hamid al-Najar, Muhammad Ali. t.t. *Mu'jam al-Wasit. Turki* : al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan, Siti Mashitoh Mahamood & Ahmad Azam Sulaiman. 2021. *Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf Menerusi Dana Amanah Hartanah Islam*. Negeri Sembilan : USIM.
- Teuku Iskandar. 2000. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah al-Zuhayli. 2011. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Jurnal

- Asmak Abd Rahman. t.t. *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah. Jil. 17.

Seminar

Hailani Muji Tahir & Ja'afar Ahmad. 2001. Mekanisme Istibdal dan Pembiayaan Pembangunan Hartanah Wakaf. *Seminar Pembangunan Tanah Wakaf dan Baitulmal Peringkat Kebangsaan*. Hotel Golden Legacy, Melaka, 29 Oktober 2001, hlm 1.

Enakmen

Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/undangbm.nsf/bydocunidp/0032279739F9E31048256F850004423F?OpenDocument>. (Diakses pada 14 Mei 2020)

Temu Bual

Fatimah Zariah bt Harun @ Musa. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Wakaf dan Sumber Am, MAIDAM. Pengurusan Hartanah Wakaf di Negeri Terengganu. Terengganu. 15 Jun 2020.

Laman Sesawang

Wakaf dan Sumber Am. <http://maidam.gov.my/index.php/en/>. (Diakses pada 18 Januari 2020)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.